

RIGEVIDON COATED TABLETS

Ethinylestradiol/Levonorgestrel (0.03 mg/0.15 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Rigevidon*
2. Bagaimana *Rigevidon* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Rigevidon*
4. Cara menggunakan *Rigevidon*
5. Semasa menggunakan *Rigevidon*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Rigevidon*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Rigevidon*

Pil perancang.

Bagaimana *Rigevidon* berfungsi

Rigevidon berfungsi dengan menghalang ovulasi dan mengubah rembesan serviks untuk mencegah kehamilan.

Sebelum menggunakan *Rigevidon*

- Bila tidak boleh menggunakan
- Jika anda ada (atau pernah ada) darah beku dalam salur darah di kaki (*deep vein thrombosis*), paru-paru (*pulmonary embolism*) atau organ-organ lain.
- Jika anda mempunyai penyakit yang mengganggu pembekuan darah anda – seperti kekurangan protein C, kekurangan protein S, kekurangan *antithrombin-III*, *Factor V Leiden* atau *antiphospholipid-antibodies*.
- Jika anda memerlukan pembedahan dan jika anda tidak dapat bergerak untuk tempoh yang lama
- Jika anda pernah mendapat serangan jantung atau strok.
- Jika anda mengalami (atau pernah mengalami) *angina* (keadaan yang menyebabkan sakit dada yang teruk atau kemungkinan tanda awal serangan jantung) atau gejala strok sementara.
- Jika anda mengalami (atau pernah mengalami) migrain yang dipanggil '*migraine with aura*'.
- Jika anda mempunyai mana-mana penyakit berikut yang boleh meningkatkan risiko darah beku dalam salur darah:
 - Kencing manis tahap teruk dengan kerosakan salur darah
 - Tekanan darah yang sangat tinggi
 - Kandungan lemak dalam darah yang sangat tinggi (kolesterol atau *triglycerides*)
 - Keadaan yang dikenali sebagai *hyperhomocysteinaemia*

- Jika anda ada (atau pernah ada) atau jika anda disyaki mempunyai kanser payudara atau kanser organ genital.
- Jika anda ada (atau pernah ada) penyakit hati atau fungsi hati anda masih tidak normal.
- Jika anda ada (atau pernah ada) ketumbuhan di hati.
- Jika anda mengalami pendarahan dari faraj yang tidak dapat dijelaskan
- Jika anda alah pada ethinylestradiol atau levonorgestrel atau pada mana-mana bahan lain ubat ini.
- Jika anda ada hepatitis C dan sedang menggunakan ubat ombitasvir/paritaprevir/ritonavir dan dasabuvir. *Rigevidon* boleh dimulakan semula 2 minggu selepas anda berhenti menggunakan ubat ini.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil *Rigevidon* jika anda mengandung, sedang cuba untuk mengandung atau fikir anda mungkin mengandung. Jika anda hamil semasa menggunakan *Rigevidon*, hentikan penggunaan serta merta dan hubungi doktor anda.

Jangan ambil *Rigevidon* jika anda menyusukan anak.

Sebelum menggunakan *Rigevidon*

Sebelum menggunakan *Rigevidon*, doktor anda akan bertanya beberapa soalan mengenai sejarah kesihatan anda dan saudara terdekat, akan menjalankan pemeriksaan perubatan dan ginekologi menyeluruh, dan juga untuk mengecualikan kehamilan.

Rigevidon, seperti pil perancang hormon lain, tidak melindungi anda dari jangkitan HIV (AIDS) atau lain-lain penyakit kelamin (STD).

Amaran dan langkah berjaga-jaga

Dapatkan perhatian perubatan segera jika anda perasan tanda-tanda darah beku yang mungkin bermaksud anda mempunyai darah beku pada kaki, atau pada paru-paru, serangan jantung atau strok (lihat bahagian 'Darah beku')

Beritahu doktor anda jika mana-mana keadaan berikut berkenaan dengan anda atau menjadi lebih teruk semasa anda menggunakan *Rigevidon*:

- Jika paras lemak dalam darah meningkat (*hypertriglyceridaemia*) atau pernah mengalaminya. *Hypertriglyceridaemia* dikaitkan

dengan peningkatan risiko mendapat keradangan pankreas.

- Jika anda pernah ada masalah dengan jantung, atau peredaran seperti tekanan darah tinggi.
- Jika anda ada keradangan pada salur darah di bawah kulit (*superficial thrombophlebitis*)
- Jika anda ada urat simpul
- Jika keluarga terdekat pernah mempunyai masalah dengan pembekuan darah
- Jika anda ada migrain
- Jika anda ada penyakit kencing manis
- Jika anda ada penyakit *Crohn* atau penyakit radang usus kronik
- Jika anda mewarisi sejenis kecacatan pendengaran yang dikenali sebagai *osteo sclerosis*
- Jika anda ada kemurungan
- Jika anda ada masalah pergerakan yang dipanggil *Sydenham's chorea*
- Jika anda ada penyakit pundi hempedu (batu karang)
- Jika anda ada penyakit keturunan yang dipanggil *porphyria*
- Jika anda ada anemia sel sabit (penyakit keturunan berkaitan sel darah merah)
- Jika anda ada masalah darah yang dipanggil *haemolytic uraemic syndrome* – HUS (penyakit dimana darah beku menyebabkan kegagalan buah pinggang)
- Jika anda ada *systemic lupus erythematosus* (SLE) –; penyakit yang mengganggu sistem pertahanan badan anda)
- Jika anda ada ruam yang dikenali sebagai *herpes gestationis* (lepuhan pada kulit semasa mengandung)
- Jika anda ada tompok perang pada muka dan badan (*chloasma*), yang boleh dikurangkan dengan mengelakkan dari terdedah cahaya matahari dan tidak menggunakan katil atau lampu matahari.

Jika anda mengalami penyakit keturunan angioedema, produk ubat yang mengandungi estrogen boleh menyebabkan atau menerukkan bengkak bawah kulit.

DARAH BEKU

Penggunaan kontraseptif hormon gabungan seperti *Rigevidon* boleh meningkatkan risiko darah beku berbanding dengan tidak menggunakannya. Darah beku boleh menyebabkan salur darah tersumbat

RIGEVIDON COATED TABLETS

Ethinylestradiol/Levonorgestrel (0.03 mg/0.15 mg)

dan masalah yang serius tetapi jarang berlaku.

Diingat bahawa secara keseluruhan risiko *Rigevidon* menyebabkan darah beku yang bahaya adalah rendah.

Gejala-gejala darah beku termasuk:

Deep vein thrombosis:

- sebelah kaki sakit dan/atau bengkak yang luar biasa

Pulmonary embolism:

- sesak nafas atau bernafas dengan laju secara tiba-tiba

- batuk secara tiba-tiba

- sakit dada yang tajam yang bertambah teruk dengan pernafasan mendalam.

Darah beku dalam mata

- hilang penglihatan separa atau sepenuhnya secara tiba-tiba

Serangan jantung:

- dada terasa tidak selesa, tertekan, dihipit atau sakit di bawah tulang dada, kadang-kadang merebak ke belakang, rahang, tekak, tangan dan perut

- degupan jantung laju atau tidak tetap

- keresahan, sesak nafas

- rasa kenyang, senak atau tercekik

Strok:

- muka, tangan atau kaki tiba-tiba lemah atau kebas, terutamanya pada sebelah badan

- tiba-tiba kekeliruan, sukar bercakap atau memahami

- hilang kesedaran

Darah beku menghalang saluran darah lain:

- kaki atau tangan menjadi bengkak dan kebiruan

- sakit pada bahagian perut yang teruk

Pil perancang dan kanser

Peningkatan risiko kanser serviks di kalangan pengguna jangka panjang pil perancang telah dilaporkan dalam beberapa kajian.

Kanser payudara didapati lebih kerap berlaku di kalangan wanita yang menggunakan pil perancang berbanding wanita usia yang tidak menggunakan pil perancang. Jika wanita berhenti menggunakan pil perancang, risiko akan berkurang. Jadi, selepas 10 tahun penggunaan pil perancang dihentikan, risiko kanser payudara adalah sama dengan wanita yang tidak pernah mengambil pil perancang. Tidak dapat dipastikan sama ada pil perancang meningkatkan risiko kanser payudara.

Berkemungkinan, wanita yang menggunakan pil perancang diperiksa lebih kerap, jadi kanser payudara dapat dikesan lebih awal.

Di kalangan wanita yang menggunakan pil perancang, ketumbuhan hati ada dilaporkan. Dalam sesetengah kes, ketumbuhan hati boleh menyebabkan pendarahan di dalam perut yang membahayakan nyawa. Jadi, jika anda rasa sakit pada bahagian atas perut yang tidak hilang, beritahu doktor anda.

Pemeriksaan berkala

Apabila anda mula menggunakan *Rigevidon*, doktor anda akan melakukan pemeriksaan berkala, atau jika anda mempunyai sebarang masalah anda boleh berjumpa doktor anda pada bila-bila masa.

Ujian makmal

Jika anda memerlukan ujian darah, beritahu doktor anda atau kakitangan makmal bahawa anda menggunakan pil perancang, kerana pil perancang boleh mempengaruhi keputusan sesetengah ujian.

Rigevidon mengandungi laktosa dan sukrosa

Jika anda pernah diberitahu oleh doktor bahawa anda tidak toleran kepada sesetengah jenis gula, hubungi doktor anda sebelum menggunakan ubat ini.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat boleh mempengaruhi paras *Rigevidon* dalam darah membuatnya **kurang berkesan untuk mencegah kehamilan**, boleh menyebabkan pendarahan yang tidak dijangka, seperti ubat yang digunakan untuk rawatan:

- sawan (cthnya. barbiturates, carbamazepine, phenytoin, primidone, felbamate, oxacarbazepine, topiramate)
- batuk kering (cthnya. rifampicin)
- jangkitan HIV dan virus Hepatitis C atau jangkitan lain (cthnya. ritonavir, nevirapine, efavirenz)
- Keradangan dan sakit sendi (etoricoxib)

- St. John's wort (*Hypericum perforatum*).

Rigevidon boleh mempengaruhi kesan ubat-ubatan lain seperti

- ciclosporin (untuk menghalang kesan penolakan selepas pemindahan organ);
- lamotrigine (untuk rawatan sawan)

Cara menggunakan *Rigevidon*

- *Berapa banyak harus digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Pek ditanda dengan hari bila pil perlu diambil. Ikut arah anak panah yang dicetak pada pek, anda perlu mengambil satu pil setiap hari untuk 21 hari sehingga strip ubat habis.

Kemudian anda ada 7 hari dimana anda tidak perlu mengambil pil. Semasa 7 hari tanpa pil, anda akan mengalami pendarahan seperti haid anda pada hari kedua atau ketiga.

Mulakan strip berikutnya pada hari ke-8 (selepas 7 hari tanpa pil) – walaupun pendarahan belum berhenti. Jika anda menggunakan *Rigevidon* dengan betul, anda akan sentiasa memulakan strip baru pada hari yang sama.

Telan setiap pil sepenuhnya, dengan air.

Memulakan pek pertama

Jika tidak pernah menggunakan pil perancang semasa kitaran haid sebelumnya

Ambil pil pertama pada hari pertama haid anda. Ini merupakan hari pertama kitaran anda – hari dimana pendarahan bermula. Ambil pil yang ditanda dengan hari tersebut (contohnya, jika haid anda mula pada hari Selasa, ambil pil yang ditanda 'Tuesday' pada pek). Ikut arah anak panah dan teruskan pengambilan pil setiap hari sehingga strip ubat habis.

Menukar kepada *Rigevidon* dari pil perancang hormon gabungan lain

Mula mengambil *Rigevidon* pada hari selepas anda mengambil pil terakhir pil perancang yang lain itu. Jangan jarakkan pengambilan antara dua pek tersebut. Jika strip pil perancang sebelum ini mengandungi pil *dummy* (pil yang tidak mengandungi bahan aktif), anda perlu memulakan *Rigevidon* pada hari terakhir pengambilan pil hormon yang mengandungi bahan aktif,

RIGEVIDON COATED TABLETS

Ethinylestradiol/Levonorgestrel (0.03 mg/0.15 mg)

tetapi tidak melebihi hari selepas tempoh-tanpa-pil untuk pil perancang sebelum ini (atau selepas mengambil pil *dummy* terakhir dari pek sebelum ini).

Menukar dari hormon gabungan dalam bentuk *vagina ring* atau *patch* (pelekap pada kulit)

Mula ambil *Rigevidon* sebaiknya pada hari menanggalkan *ring/patch*, atau paling lewat pada hari yang ditetapkan untuk memasukkan *vagina ring* baharu atau melekatkan *patch* baharu.

Menukar kepada *Rigevidon* dari *progestogen-only pill* (POP, atau *minipill*)

Anda boleh berhenti menggunakan pil yang mengandungi progestogen sahaja (POP) pada bila-bila masa, dan mula menggunakan *Rigevidon* pada hari berikutnya seperti biasa. Tetapi pastikan anda menggunakan kaedah pencegahan tambahan (seperti kondom) semasa persetubuhan untuk 7 hari pertama anda menggunakan pil.

Menukar kepada *Rigevidon* dari suntikan kontraseptif, implan atau *progestogen-releasing intrauterine system* (IUS)

Jika anda pernah mendapat suntikan, implan atau IUS yang mengandungi hormon progestogen, anda boleh mula menggunakan *Rigevidon* pada hari yang dijadualkan untuk mendapatkan suntikan seterusnya, atau pada hari implan atau IUS dikeluarkan. Walau bagaimanapun, anda perlu menggunakan kaedah pencegahan tambahan (seperti kondom) semasa persetubuhan untuk 7 hari pertama anda menggunakan pil.

Memulakan selepas melahirkan anak atau keguguran atau penguguran

Selepas penguguran pada trimester pertama anda boleh mula mengambil tablet dengan segera

Selepas kelahiran atau penguguran pada trimester kedua, pengambilan tablet perlu dimulakan pada hari 21-28 selepas kelahiran atau penguguran. Jika anda lewat memulakan ubat, pastikan anda menggunakan pencegahan tambahan (seperti kondom) semasa persetubuhan untuk 7 hari pertama.

Apa yang perlu dilakukan jika anda sakit perut

Jika anda muntah atau cirit birit dalam masa 3-4 jam selepas mengambil pil, bahan aktif dalam pil mungkin belum diserap sepenuhnya oleh badan anda. Selepas muntah atau cirit birit, ambil tablet lagi dari pek lain secepat mungkin. Jika boleh, ambil dalam masa 12 jam pada masa anda biasa mengambil pil. Jika tidak boleh atau 12 jam telah berlalu, ikut nasihat yang diberikan dibahagian 'Jika anda lupa menggunakan'.

Apa yang perlu dilakukan jika anda ingin melambatkan atau mengubah haid anda

Jika anda ingin melambatkan haid, anda perlu terus menggunakan pek *Rigevidon* seterusnya selepas mengambil tablet terakhir pek sekarang, tanpa selang tempoh-tanpa-pil. Anda boleh mengambil seberapa banyak pil dari pek kedua ini sehingga habis.

Jika anda ingin mengubah haid anda ke hari lain minggu itu, anda boleh memendekkan (tetapi jangan memanjangkan) selang hari-tanpa-pil seterusnya sehingga hari yang anda mahu. Lebih pendek tempoh hari tanpa pil, lebih besar kemungkinan anda tidak mengalami pendarahan, dan anda mungkin mengalami sedikit atau tompokan pendarahan semasa penggunaan tablet dari pek kedua.

Jika anda mengalami pendarahan antara haid

Sebilangan kecil wanita yang mengalami sedikit atau tompokan pendarahan semasa menggunakan *Rigevidon*, terutamanya semasa beberapa bulan pertama. Biasanya, anda tidak perlu risau dan pendarahan akan berhenti dalam sehari dua. Terus mengambil pil seperti biasa, dan masalah ini akan hilang selepas beberapa pek pertama. Jika pendarahan berulang, mengganggu atau berpanjangan, bincang dengan doktor anda.

Jika anda tidak datang haid

Hubungi doktor anda.

- *Bila perlu digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Anda perlu cuba mengambil pil pada masa yang sama setiap hari.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jika anda tidak mahu mengandung, dapatkan nasihat doktor mengenai kaedah perancang kehamilan lain yang berkesan.

Jika anda mahu mengandung, hentikan penggunaan *Rigevidon* dan tunggu sehingga anda datang haid sebelum cuba untuk mengandung. Anda boleh mengira tarikh jangkaan bersalin dengan lebih mudah.

- *Jika anda lupa menggunakan*

Jika satu pil terlewat 12 jam atau kurang

Anda masih terlindung dari kehamilan jika anda mengambil pil yang terlewat sebaik sahaja anda ingat, dan teruskan pengambilan pil seterusnya seperti biasa. Ini mungkin bermaksud mengambil dua pil dalam satu hari.

Jika anda lebih dari 12 jam lewat

Jika anda terlewat lebih dari 12 jam untuk mengambil pil, perlindungan kehamilan anda mungkin berkurang jadi anda perlu menggunakan pencegahan kontraseptif tambahan.

Jika anda terlupa lebih dari satu pil, minta nasihat doktor anda.

Apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa pil pada minggu pertama

Ambil tablet terakhir yang anda terlupa sebaik sahaja anda ingat, walaupun jika ini bermaksud anda perlu mengambil 2 tablet pada masa sama. Seterusnya, anda perlu teruskan pengambilan tablet seperti biasa. Anda juga perlu menggunakan kaedah kontraseptif jenis halangan, seperti kondom untuk 7 hari seterusnya. Jika persetubuhan berlaku semasa 7 hari sebelumnya, anda berkemungkinan hamil. Risiko kehamilan lebih tinggi jika lebih banyak tablet yang tertinggal dan jika ini berlaku dekat dengan tempoh hari tanpa tablet.

Apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa pil pada minggu kedua

Ambil tablet terakhir yang anda terlupa sebaik sahaja anda ingat, walaupun jika ini bermaksud anda perlu mengambil 2 tablet pada masa sama. Seterusnya, anda perlu teruskan pengambilan tablet seperti biasa. Anda tidak perlu mengambil langkah kontraseptif

RIGEVIDON COATED TABLETS

Ethinylestradiol/Levonorgestrel (0.03 mg/0.15 mg)

tambahan jika tablet diambil dengan betul untuk 7 hari sebelum tablet yang terlupa. Walau bagaimanapun, jika tablet tidak diambil dengan betul, atau jika terlupa lebih dari 1 tablet anda perlu mengambil pencegahan kontraseptif tambahan untuk 7 hari.

Apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa pil pada minggu ketiga

Risiko kegagalan pencegahan kehamilan akan berlaku disebabkan oleh tempoh tanpa tablet seterusnya. Walau bagaimanapun, perlindungan kontraseptif yang berkurang boleh dicegah dengan mengubah cara pengambilan tablet. Oleh itu, dengan mengikut satu dari dua alternatif dibawah, anda tidak perlu menggunakan kaedah pencegahan tambahan, asalkan semua tablet diambil dengan betul untuk 7 hari sebelum tablet pertama terlupa. **Jika anda tidak mengambil Rigevidon dengan betul semasa 7 hari sebelum terlupa mengambil tablet pertama, anda perlu mengikut cara alternatif yang pertama. Sebagai tambahan, kaedah penghalang (seperti kondom) perlu digunakan bersama pil untuk 7 hari seterusnya.**

1. Anda perlu mengambil tablet terakhir yang anda terlupa sebaik sahaja anda ingat, walaupun jika ini bermaksud anda perlu mengambil 2 tablet pada masa sama. Seterusnya, anda perlu teruskan pengambilan tablet seperti biasa. Kemudian, anda perlu mula pek seterusnya sebaik sahaja selepas mengambil tablet akhir pek sekarang, iaitu tanpa tempoh tanpa pil antara dua pek. Besar kemungkinan pendarahan tidak akan berlaku sehingga hujung pek kedua, tetapi mungkin ada tompokan atau sedikit pendarahan pada hari anda mengambil tablet.
2. Anda juga boleh berhenti mengambil tablet dari pek sekarang. Dengan cara ini, anda perlu kekalkan tempoh tanpa tablet untuk 7 hari, termasuk hari-hari yang anda terlupa mengambil tablet, dan sambung dengan pek seterusnya. Jika anda terlupa mengambil tablet dan tidak mengalami pendarahan semasa tempoh tanpa pil yang pertama, kemungkinan mengandung perlu diambil kira.

- Jika menggunakannya berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Gejala yang mungkin berlaku adalah: mual, muntah, sakit perut, sakit payudara, kebas, pening, mengantuk/letih dan sedikit pendarahan faraj pada budak perempuan.

Semasa menggunakan Rigevidon

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Rigevidon. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan berkongsi Rigevidon dengan sesiapa.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera
Tiada data yang menunjukkan Rigevidon boleh mengganggu keupayaan memandu atau menggunakan jentera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Rigevidon boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan sampingan yang kerap

- Keradangan faraj, termasuk jangkitan kulat pada faraj,
- kegelisahan, perubahan mood termasuk kemurungan, keinginan seksual yang berubah,
- pening,
- sakit kepala,
- loya, muntah, sakit perut,
- jerawat,
- sakit payudara, payudara membesar dan ada rembesan, haid yang menyakitkan, pendarahan tidak teratur, kelainan dinding

serviks dan rembesan faraj, tiada atau kurang pendarahan haid.

- pengecalan cecair / bengkak,
- perubahan berat badan.

Kesan sampingan serius lain

- Reaksi alergi teruk (sangat jarang berlaku, dengan geligata, bengkak pada muka, lidah, gangguan peredaran darah dan pernafasan)

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda perasan mana-mana kesan sampingan yang tidak tersenarai dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui atau laman web npra.gov.my [*Consumers Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Rigevidon

- Penyimpanan

Jauhkan daripada capaian kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 30°C, lindungi dari cahaya dan kelembapan.

Jangka hayat: 2 tahun

Jangan simpan sebarang ubat di dalam bilik mandi, berhampiran sinki, atau di tepi tingkap.

Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta, terutamanya bila cuaca panas.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan ubat.

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang tertera pada bungkusan selepas 'EXP'. Tarikh luput ini merujuk kepada hari terakhir dalam bulan tersebut.

Setiap kotak Rigevidon mengandungi satu atau tiga strip blister dengan 21 tablet setiap strip.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet berwarna putih, dwi-cembung, bulat, bersalut gula, berdiameter 6mm.

RIGEVIDON COATED TABLETS

Ethinylestradiol/Levonorgestrel (0.03 mg/0.15 mg)

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan aktif
 - Ethinylestradiol
 - Levonorgestrel

- Bahan tidak aktif
 - Calcium Carbonate
 - Carmellose Sodium
 - Colloidal Anhydrous
 - Copovidone K90
 - Lactose Monohydrate
 - Macrogol 6000
 - Magnesium Stearate
 - Maize Starch
 - Povidone K30
 - Sucrose
 - Silica
 - Talc
 - Titanium Dioxide (E171)

- Nombor MAL

MAL20001225AZ

Pengilang

Gedeon Richter Plc.
H – 1103, Budapest
Gyömrői út 19-21
Hungary

Pemegang Pendaftaran Produk

Pahang Pharmacy Sdn. Bhd.
Lot 5979, Jalan Teratai, 5 ½ Mile,
Off Jalan Meru, 41050 Klang,
Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

04/10/2021

Nombor siri

NPRA(R4/1)290921/00072